

# Dua negara setuju erat kerjasama

BH 15 MAR 200

MOSCOW, Khamis—Malaysia dan Russia hari ini bersejajut berusaha lebih giat meningkatkan kerjasama pelbagai bidang, termasuk teknologi tinggi, ekonomi serta perdagangan.

Persefahaman itu dicapai pada mesyuarat empat mata antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Russia Vladimir Putin yang berlangsung sejam di Kremlin. Pertemuan itu disusuli mesyuarat antara pegawai dua negara.

Pada sidang akhbar bersama selepas perjumpaan itu tengah hari ini, kedua-dua pemimpin berkata, prospek meningkatkan kerjasama adalah amat cerah.

Dr Mahathir berkata, beliau telah membincangkan kemungkinan bekerjasama dalam berbagai bidang penyelidikan, termasuk usaha bidang kaji cuaca serta menghantar lebih ramai pelajar serta pegawai kerajaan bagi mengikuti latihan di sini.

Mengenai pembelian peralatan pertahanan dari Russia, Dr Mahathir berkata, perkara itu turut dibincangkan dan Malaysia akan mengkajinya.

Sementara itu, Putin

berkata, Russia mengangap Malaysia sebagai sahabat baik negara itu.

Presiden Russia itu dan Dr Mahathir mengenal pasti beberapa bidang untuk meningkatkan kerjasama, termasuk kemungkinan pihak swasta mengadakan hubungan perdagangan secara langsung berikutan pertemuan antara pemimpin korporat kedua-dua negara petang ini.

Soal meningkatkan perdagangan dua hala menjadi tumpuan kerana kini perdagangan kedua-dua negara hanya berjumlah AS\$300 juta setahun.

Malaysia menyatakan hasrat mengadakan perhubungan perdagangan secara terus. Russia kini banyak membeli barangan Malaysia melalui negara ketiga.

Presiden Putin berharap mesyuarat antara pemimpin korporat yang sedang berlangsung akan meningkatkan hubungan langsung antara sektor swasta kedua-dua negara.

Putin berkata, kerjasama baik sudah terjalin dalam bidang peralatan ketenteraan dan pertahanan, khususnya penerbangan dan berharap ia dapat dipertingkatkan.